

# Penyata Kewangan

- 98 Laporan Pengarah
- 102 Kenyataan oleh Para Pengarah
- 102 Akuan Berkanun
- 103 Laporan Juruaudit
- 104 Penyata Pendapatan
- 105 Lembaran Imbangan
- 106 Penyata Perubahan dalam Ekuiti
- 107 Penyata Aliran Tunai
- 109 Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## SEKSYEN

## LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 30 September 2003.

### Aktiviti-aktiviti Utama

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan manakala syarikat-syarikat subsidiari terlibat terutamanya dalam bidang pengilangan dan penjualan bekas kaca, minuman ringan, barang tenusu, aktiviti-aktiviti pembangunan harta tanah serta perkhidmatan pengurusan.

Sepanjang tahun kewangan, tiada perubahan ketara berlaku ke atas aktiviti-aktiviti tersebut.

### Keputusan Kewangan

	Kumpulan RM'ooo	Syarikat RM'ooo
Keuntungan bagi tahun	83,950	53,913

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Syarikat dan Kumpulan sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan berbentuk luarbiasa selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

### Rizab dan Peruntukan

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan pada tahun ini selain daripada yang dinyatakan dalam penyata perubahan dalam ekuiti.

### Dividen

Jumlah dividen yang telah dibayar oleh Syarikat sejak 30 September 2002 adalah seperti berikut:

- (i) Dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 7 sen berjumlah RM24,954,517 bagi tahun kewangan sebelumnya telah dibayar pada 24 Februari 2003; dan
- (ii) Dividen interim dikecualikan cukai sebanyak 5 sen dan dividen khas dikecualikan cukai sebanyak 5 sen, keseluruhannya berjumlah RM35,649,310 bagi tahun kewangan semasa telah dibayar pada 10 Jun 2003.

Pembayaran dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 10 sen berjumlah RM35,649,310 bagi tahun kewangan semasa ke atas 356,493,101 saham biasa akan disyorkan untuk diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang. Pembayaran dividen yang dicadangkan ini tidak ditunjukkan di dalam penyata kewangan semasa. Pembayaran dividen tersebut, jika diluluskan oleh para pemegang saham, akan dilaporkan dalam ekuiti pemegang saham sebagai pengagihan keuntungan tersimpan pada tahun kewangan berakhir 30 September 2004.

## LAPORAN PENGARAH

### Para Pengarah

Nama-nama para Pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang lepas dan pada tarikh laporan ini adalah:

Y.A.M. Tengku Syed Badarudin Jamalullail  
 Tan Sri Dato' Dr. Lin See Yan  
 Datuk Fong Weng Phak  
 Dr. Han Cheng Fong  
 Dr. Radzuan bin A. Rahman  
 Cheong Fook Seng, Anthony  
 Lee Kong Yip  
 Leslie Oswin Struys  
 Tan Ang Meng  
 Dato' Dr. Mohd Shahar Bin Sidek (Dilantik pada 30.09.2003)  
 Puan Zaida Khalida binti Shaari (Meletak jawatan pada 30.09.2003)  
 Tan Wee Tee  
 (Pengarah Pengganti kepada Dr. Han Cheng Fong)

Pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang, para Pengarah berikut akan bersara dan, oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula:

- (i) Y.A.M. Tengku Syed Badarudin Jamalullail, Dr. Radzuan bin A. Rahman dan Tan Ang Meng menurut peruntukan Tataurusan 97 dalam Tataurusan Pertubuhan Syarikat; dan
- (ii) Dato' Dr. Mohd Shahar Bin Sidek menurut peruntukan Tataurusan 103 dalam Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

Samada pada akhir tahun kewangan ini atau pada sebarang masa sepanjang tahun kewangan ini, tidak terdapat sebarang urusan di mana Syarikat sebagai satu pihak, membolehkan para Pengarah memperolehi faedah melalui pemilikan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat, melainkan melalui kelayakan mereka untuk melanggar opsyen yang diberi di bawah Skim Opsyen Saham Eksekutif Syarikat Induk.

Para Pengarah berikut yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan menurut daftar yang perlu disimpan di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat 1965, mempunyai kepentingan dalam saham dan opsyen saham Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitannya, seperti yang dinyatakan di bawah:

Syarikat yang mana Pengarah memiliki kepentingan	1 Oktober 2002	Bilangan saham/saham opsyen			99
		Dibeli/ Diperuntukkan	Dijual/Luput/ Dilaksana	30 September 2003	
Y.A.M Tengku Syed Badarudin Jamalullail Fraser & Neave Holdings Bhd – Saham biasa	2,937,000	–	–	2,937,000	
Dr.Han Cheng Fong Fraser & Neave Limited – Saham opsyen	126,000	126,000	(35,280)	216,720	
Cheong Fook Seng, Anthony Fraser & Neave Limited – Saham biasa – Saham opsyen	4,500 51,840	–	(450) (7,258)	4,050 44,582	

## LAPORAN PENGARAH

Syarikat yang mana Pengarah memiliki kepentingan	1 Oktober 2002	Bilangan saham/saham opsyen			30 September 2003
		Dibeli/ Diperuntukkan	Dijual/Luput/ Dilaksana		
Leslie Oswin Struys					
Fraser & Neave Limited					
– Saham biasa	10,150	–	(1,900)	8,250	
Fraser & Neave Holdings Bhd					
– Saham biasa	20,000	29,000	–	49,000	
– Saham opsyen	29,025	–	(29,025)	–	
Tan Ang Meng					
Fraser & Neave Holdings Bhd					
– Saham opsyen	59,000	75,000	–	134,000	
Fraser & Neave Limited					
– Saham biasa	16,000	1,700	(1,700)	16,000	
Asia Pacific Breweries Ltd					
– Saham biasa	35,000	15,000	(40,000)	10,000	
– Saham opsyen	174,380	–	(15,000)	159,380	
Pengganti: Tan Wee Tee					
Fraser & Neave Limited					
– Saham opsyen	34,560	72,000	(14,918)	91,642	

Sejak akhir tahun kewangan sebelumnya, tiada Pengarah telah menerima atau menjadi layak untuk menerima sebarang faedah (selain daripada faedah yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau cukup tempoh dan akan diterima oleh para Pengarah seperti yang ditunjukkan dalam Nota 4(b) penyata kewangan atau gaji sebagai kakitangan sepenuh masa Syarikat) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang ada kaitan dengan sebarang Pengarah atau sebuah firma di mana Pengarah yang berkenaan merupakan ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah berkenaan mempunyai kepentingan kewangan yang cukup besar.

### Modal Saham

Tiada perubahan pada modal saham terbitan dan berbayar Syarikat pada tahun kewangan ini.

### Opsyen Diberi ke atas Saham yang belum Diterbitkan

Tiada opsyen telah diberikan kepada sesiapa untuk memiliki saham Syarikat yang belum diterbitkan pada tahun kewangan ini.

### Maklumat Berkanun Lain

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbalan Syarikat dan Kumpulan disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:
  - (i) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan pelupusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang rugu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dilupuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang rugu; dan
  - (ii) untuk memastikan bahawa mana-mana harta semasa yang tidak berkemungkinan menunjukkan nilai sebenar dalam urusniaga biasa seperti yang dinyatakan di dalam rekod perakaunan telah diturunkan nilai kepada satu jumlah yang dapat direalisasikan.

## LAPORAN PENGARAH

### Maklumat Berkanun (Samb.)

- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari adanya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:
  - (i) jumlah pelupusan hutang lapuk atau jumlah peruntukan hutang ragu tidak mencukupi pada tahap yang ketara; dan
  - (ii) nilai harta semasa di dalam penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan yang mengelirukan atau tidak sesuai.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari adanya sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan terhadap kaedah semasa penilaian harta atau tanggungan Syarikat dan Kumpulan mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari adanya sebarang keadaan yang tidak diuruskan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan yang boleh menyebabkan jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
  - (i) sebarang caj ke atas harta Syarikat atau Kumpulan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang disandarkan kepada tanggungan sebarang pihak lain; atau
  - (ii) sebarang tanggungan luar jangka berhubung dengan Syarikat atau Kumpulan yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat para Pengarah:
  - (i) tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan lain yang telah berkuatkuasa atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjelaskan kemampuan Syarikat atau Kumpulan untuk memenuhi tanggungjawabnya apabila tiba masanya kelak; dan
  - (ii) tiada perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa telah berlaku sepanjang tempoh antara akhir tahun kewangan dengan tarikh laporan ini yang mungkin akan menjelaskan dengan ketara hasil operasi Syarikat atau Kumpulan bagi tahun semasa laporan ini disediakan.

### Peristiwa Penting

Pada tahun semasa, Kumpulan telah melupuskan 25% kepentingannya di dalam sebuah syarikat bersekutu, Harmonic Fairway Sdn. Bhd. (“HFSB”) dan melepaskan pendahuluan yang dibuat olehnya sebelum ini, untuk bayaran tunai berjumlah RM2.5 juta, menyebabkan kerugian luar jangka sebanyak RM19.75 juta.

HFSB adalah sebuah syarikat usahasama yang ditubuhkan pada tahun 1997 di antara Kumpulan F&N dan Malaysian Resources Corporation Berhad untuk memperolehi satu hartanah yang telah diperuntukkan untuk pembangunan komersil di Stesen Sentral Kuala Lumpur di Brickfields.

### Juruaudit

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima pelantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para Pengarah:

**Y.A.M. TENGKU SYED BADARUDIN JAMALULLAIL**  
Pengerusi

Kuala Lumpur, Malaysia  
10 November 2003

**TAN ANG MENG**  
Pengarah

**KENYATAAN OLEH PARA PENGARAH** menurut Seksyen 169 (15) Akta Syarikat, 1965

Kami, Y.A.M TENGKU SYED BADARUDIN JAMALULLAIL dan TAN ANG MENG, dua daripada Pengarah Fraser & Neave Holdings Bhd, dengan ini memaklumkan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 104 hingga 134 telah disusun menurut piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat dan Kumpulan pada 30 September 2003 dan keputusan perniagaan Syarikat dan Kumpulan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para Pengarah:

**Y.A.M. TENGKU SYED BADARUDIN JAMALULLAIL**

Pengerusi

**TAN ANG MENG**

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

10 November 2003

**AKUAN BERKANUN** menurut Seksyen 169 (16) Akta Syarikat, 1965

Saya, TONY LEE CHEOW FUI, sebagai pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Fraser & Neave Holdings Bhd, dengan sesungguh dan sebenarnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 104 hingga 134 pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan akan kebenarannya dan menurut peruntukan Akta Berkanun, 1960.

102  
Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh )  
penama di atas TONY LEE CHEOW FUI ) **TONY LEE CHEOW FUI**  
di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur )  
pada 10 November 2003 )

Di hadapan saya,  
Pesuruhjaya Sumpah  
**BARATHAN A/L SINNIAH @ CHINNIAH (NO. W202)**

## LAPORAN JURUAUDIT kepada Ahli-ahli Fraser & Neave Holdings Bhd

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 104 hingga 134. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyuarakan pendapat kami mengenai penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan yang kami lakukan.

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan menjalankan audit untuk mendapatkan keyakinan yang munasabah bahawa penyata kewangan tersebut adalah bebas daripada sebarang salah kenyataan yang ketara. Sesuatu audit meliputi pemeriksaan, berasaskan ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pembentangan di dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga meliputi penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah serta penilaian keseluruhan pembentangan penyata kewangan. Kami yakin bahawa audit kami memberi asas yang wajar untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan ini telah disediakan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan diluluskan yang berkenaan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang:
  - (i) kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan pada 30 September 2003 dan keputusan dan aliran tunai Syarikat dan Kumpulan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk dimasukkan ke dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari yang diaudit oleh kami telah disimpan menurut peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuashati bahawa penyata-penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai untuk tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit tentang penyata-penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari adalah tidak tertakluk kepada sebarang kelayakan yang ketara pada penyata kewangan yang disatukan dan tiada sebarang teguran yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta Syarikat 1965.

103

**ERNST & YOUNG : AF 0039**

Akauntan Bertauliah

**THOMAS ARUNDEL ANDREW SCOTT 1060/03/04 (J/PH)**

Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia

10 November 2003

**PENYATA PENDAPATAN** bagi tahun berakhir 30 September 2003

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
<b>HASIL</b>					
Jualan barang		<b>1,611,119</b>	1,521,988	–	–
Dividen		–	–	<b>71,235</b>	42,090
KOS JUALAN		<b>(1,147,243)</b>	(1,105,064)	–	–
<b>KEUNTUNGAN KASAR</b>		<b>463,876</b>	416,924	<b>71,235</b>	42,090
<b>PERBELANJAAN OPERASI</b>					
Perbelanjaan pengedaran		<b>(163,385)</b>	(154,021)	–	–
Perbelanjaan pemasaran		<b>(70,804)</b>	(56,596)	–	–
Perbelanjaan pentadbiran dan lain-lain		<b>(88,336)</b>	(82,871)	<b>(2,416)</b>	(2,365)
		<b>(322,525)</b>	(293,488)	<b>(2,416)</b>	(2,365)
<b>KEUNTUNGAN OPERASI</b>		<b>141,351</b>	123,436	<b>68,819</b>	39,725
Perbelanjaan faedah	3	<b>(4,069)</b>	(5,122)	<b>(492)</b>	–
Pendapatan faedah	3	<b>5,262</b>	4,001	<b>6,748</b>	6,548
<b>KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN PERKARA TERKECUALI</b>		<b>142,544</b>	122,315	<b>75,075</b>	46,273
Perkara terkecuali	5	<b>(19,750)</b>	–	<b>(19,750)</b>	–
<b>KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI</b>		<b>122,794</b>	122,315	<b>55,325</b>	46,273
Cukai	6	<b>(29,795)</b>	(26,028)	<b>(1,412)</b>	(1,424)
<b>KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI</b>		<b>92,999</b>	96,287	<b>53,913</b>	44,849
Kepentingan minoriti		<b>(9,049)</b>	(8,569)	–	–
<b>KEUNTUNGAN BERSIH BAGI TAHUN</b>		<b>83,950</b>	87,718	<b>53,913</b>	44,849
Pendapatan atas sesaham (sen)	7	<b>23.5</b>	24.6		
Dividen sesaham (sen)					
Interim		<b>10.0</b>	5.0		
Akhir (dicadangkan)		<b>10.0</b>	7.0		

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LEMBARAN IMBANGAN** pada 30 September 2003

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		2003 RM'ooo	2002 RM'ooo	2003 RM'ooo	2002 RM'ooo
Modal saham	10	<b>356,493</b>	356,493	<b>356,493</b>	356,493
Rizab	11	<b>641,462</b>	618,243	<b>427,972</b>	434,663
Ekuiti pemegang saham		<b>997,955</b>	974,736	<b>784,465</b>	791,156
Kepentingan minoriti		<b>92,066</b>	86,472	—	—
		<b>1,090,021</b>	1,061,208	<b>784,465</b>	791,156
DIWAKILI OLEH:					
Hartanah, loji dan peralatan	12	<b>702,164</b>	739,077	—	—
Syarikat-syarikat subsidiari	13	—	—	<b>527,043</b>	492,043
Pendahuluan kepada sebuah syarikat bersekutu	14	—	22,250	—	22,250
Hartanah dalam pembangunan	15	<b>42,391</b>	—	—	—
HARTA SEMASA					
Barangniaga	16	<b>243,156</b>	218,701	—	—
Perdagangan akan diterima	17	<b>318,609</b>	274,662	<b>125,550</b>	202,672
Deposit tetap, tunai dan baki bank	18	<b>307,290</b>	193,330	<b>165,770</b>	75,254
		<b>869,055</b>	686,693	<b>291,320</b>	277,926
TANGGUNGAN SEMASA					
Perdagangan akan dibayar	19	<b>356,414</b>	254,989	<b>1,537</b>	1,016
Pinjaman	20	<b>34,896</b>	9,193	<b>11,491</b>	—
Peruntukan cukai		<b>9,868</b>	3,119	<b>186</b>	47
		<b>401,178</b>	267,301	<b>13,214</b>	1,063
HARTA SEMASA BERSIH		<b>467,877</b>	419,392	<b>278,106</b>	276,863
TANGGUNGAN TERTUNDA					
Peruntukan bagi ganjaran persaraan	21	<b>37,607</b>	40,439	—	—
Cukai tertunda	22	<b>33,661</b>	31,142	—	—
Pinjaman	20	<b>51,143</b>	47,930	<b>20,684</b>	—
		<b>122,411</b>	119,511	<b>20,684</b>	—
		<b>1,090,021</b>	1,061,208	<b>784,465</b>	791,156

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI** bagi tahun berakhir 30 September 2003

	Modal Saham RM'ooo	Premium Saham RM'ooo	Rizab Modal RM'ooo	Rizab daripada Penyatuan RM'ooo	Keuntungan Tersimpan RM'ooo	Jumlah RM'ooo
<b>KUMPULAN</b>						
<b>Pada 1 Oktober 2001</b>	356,493	339,990	18,027	62,795	145,418	922,723
Keuntungan bagi tahun	–	–	–	–	87,718	87,718
Dividen (Nota 8)	–	–	–	–	(35,650)	(35,650)
Perlarsan pertukaran	–	–	–	–	(55)	(55)
<b>Pada 30 September 2002</b>	356,493	339,990	18,027	62,795	197,431	974,736
Keuntungan bagi tahun	–	–	–	–	83,950	83,950
Dividen (Nota 8)	–	–	–	–	(60,604)	(60,604)
Rizab direalisasi daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	–	–	–	(127)	–	(127)
<b>Pada 30 September 2003</b>	<b>356,493</b>	<b>339,990</b>	<b>18,027</b>	<b>62,668</b>	<b>220,777</b>	<b>997,955</b>
<b>SYARIKAT</b>						
<b>Pada 1 Oktober 2001</b>	356,493	339,990	15,897	–	69,577	781,957
Keuntungan bagi tahun	–	–	–	–	44,849	44,849
Dividen (Nota 8)	–	–	–	–	(35,650)	(35,650)
<b>Pada 30 September 2002</b>	356,493	339,990	15,897	–	78,776	791,156
Keuntungan bagi tahun	–	–	–	–	53,913	53,913
Dividen (Nota 8)	–	–	–	–	(60,604)	(60,604)
<b>Pada 30 September 2003</b>	<b>356,493</b>	<b>339,990</b>	<b>15,897</b>	<b>–</b>	<b>72,085</b>	<b>784,465</b>

**PENYATA ALIRAN TUNAI** bagi tahun berakhir 30 September 2003

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'ooo	2002 RM'ooo	2003 RM'ooo	2002 RM'ooo
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>				
Keuntungan operasi	<b>141,351</b>	123,436	<b>68,819</b>	39,725
Pelarasan bagi:				
Susutnilai	<b>81,614</b>	73,238	—	—
Kerugian daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	<b>5,912</b>	3,653	—	—
Peruntukan bagi ganjaran persaraan	<b>1,056</b>	3,985	—	—
Peruntukan bagi hapuskira harta tanah, loji dan peralatan	<b>615</b>	502	—	—
Perlaraan pertukaran	—	(90)	—	—
Perkara terkecuali (Nota 5)	<b>(19,750)</b>	—	<b>(19,750)</b>	—
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	<b>210,798</b>	204,724	<b>49,069</b>	39,725
Perubahan modal kerja:				
Barangniaga	<b>(24,455)</b>	51,893	—	—
Perdagangan akan diterima	<b>(22,707)</b>	(3,533)	<b>64,372</b>	21,178
Perdagangan akan dibayar	<b>101,186</b>	12,480	<b>521</b>	(215)
Harta tanah dalam pembangunan	<b>(5,567)</b>	—	—	—
Tunai dijana daripada operasi	<b>259,255</b>	265,564	<b>113,962</b>	60,688
Cukai dibayar	<b>(21,010)</b>	(27,097)	<b>(1,273)</b>	(646)
Pembayaran ganjaran persaraan	<b>(3,888)</b>	(3,262)	—	—
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	<b>234,357</b>	235,205	<b>112,689</b>	60,042
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>				
Kutipan daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	<b>1,452</b>	4,583	—	—
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	<b>(89,504)</b>	(115,997)	—	—
Faedah diterima	<b>5,262</b>	4,001	<b>6,748</b>	6,548
Tunai bersih (digunakan dalam)/ dijana daripada aktiviti pelaburan	<b>(82,790)</b>	(107,413)	<b>6,748</b>	6,548

**PENYATA ALIRAN TUNAI** bagi tahun berakhir 30 September 2003 (SAMB.)

	<b>KUMPULAN</b>		<b>SYARIKAT</b>	
	<b>2003</b> RM'ooo	<b>2002</b> RM'ooo	<b>2003</b> RM'ooo	<b>2002</b> RM'ooo
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Saham yang diterbitkan kepada pemegang saham minoriti	–	25,536	–	–
Pembayaran faedah	(4,069)	(5,122)	(492)	–
Pengeluaran/(pembayaran) pinjaman	28,916	(70,971)	32,175	–
Pembayaran dividen (Nota 8)	(60,604)	(35,650)	(60,604)	(35,650)
Pembayaran dividen kepada pemegang saham minoriti	(1,850)	(4,390)	–	–
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(37,607)	(90,597)	(28,921)	(35,650)
<b>PENAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI</b>	<b>113,960</b>	37,195	<b>90,516</b>	30,940
<b>KESAN DARI PERUBAHAN KADAR TUKARAN TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	–	–	–	–
<b>TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>193,330</b>	156,135	<b>75,254</b>	44,314
	<b>307,290</b>	193,330	<b>165,770</b>	75,254
Tunai dan bersamaan tunai meliputi:				
Deposit tetap	244,439	128,846	165,393	74,872
Tunai dan baki bank	62,851	64,484	377	382
	<b>307,290</b>	193,330	<b>165,770</b>	75,254

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 30 September 2003**

### **1. Maklumat Korporat**

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan manakala syarikat-syarikat subsidiari terlibat terutamanya dalam bidang pengilangan dan penjualan bekas kaca, minuman ringan, barang tenusu, aktiviti-aktiviti pembangunan harta tanah serta perkhidmatan pengurusan. Sepanjang tahun kewangan, tiada perubahan ketara berlaku ke atas aktiviti-aktiviti tersebut.

Syarikat adalah sebuah syarikat awam tanggungan terhad, diperbadankan dan menetap di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur.

Syarikat induknya adalah Fraser and Neave Limited, yang diperbadankan di Singapura.

Bilangan kakitangan Kumpulan pada akhir tahun kewangan adalah seramai 5,201 (2002: 4,239). Syarikat tidak mempunyai kakitangan pada akhir tahun kewangan.

Penyata kewangan adalah dibenarkan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan berdasarkan resolusi para Pengarah pada 10 November 2003.

### **2. Dasar-dasar Perakaunan Penting**

#### **(a) Asas Penyediaan**

Penyata kewangan ini disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, diubahsuai melalui penilaian semula harta tanah, loji dan peralatan tertentu kecuali jika dinyatakan sebaliknya seperti di bawah.

Penyata kewangan ini mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan yang berkenaan yang diluluskan di Malaysia yang sedang dikuatkuasa sepanjang tahun.

MASB 29 telah diamalkan dalam penyata kewangan Kumpulan sebelum dari tarikh dikuatkuasakan. Amalan MASB 29 ini tidak menimbulkan sebarang pelaras yang ketara pada baki awal keuntungan tersimpan bagi tahun kewangan sebelumnya atau perubahan untuk perbandingan.

#### **(b) Asas Penyatuan**

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya. Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat di mana Kumpulan memiliki kepentingan ekuiti jangka panjang dan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasinya untuk mendapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti mereka.

Syarikat-syarikat subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Melalui kaedah ini, keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan pada tahun kewangan dimasukkan di dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh pengambilalihan berkuatkuasa atau sehingga tarikh pelupusan berkuatkuasa, yang mana sesuai. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset dan tanggungan syarikat-syarikat subsidiari akan ditentukan dan nilai tersebut akan ditunjukkan di dalam lembaran imbalan yang disatukan. Perbezaan di antara kos sesuatu pengambilalihan dan bahagian Kumpulan di dalam nilai saksama bersih aset syarikat subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan adalah termasuk dalam lembaran imbalan disatukan sebagai muhibah atau muhibah negatif yang timbul akibat penyatuan.

Jumlah keuntungan atau kerugian akibat pelupusan syarikat subsidiari adalah perbezaan di antara kutipan jualan bersih dan bahagian Kumpulan terhadap aset bersih syarikat subsidiari tersebut serta sebarang baki muhibah yang belum dilupuskan dan perbezaan tukaran asing yang sebelum ini tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan yang disatukan.

## **2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)**

### **(b) Asas Penyatuan (Samb.)**

Urusniaga intra-kumpulan, baki dan hasil keuntungan yang tidak direalisasi telah dikeluarkan daripada penyatuan dan penyata kewangan yang disatukan hanya menunjukkan urusniaga luaran sahaja. Kerugian yang tidak direalisasi telah dikeluarkan daripada penyatuan melainkan kos yang tidak boleh ditebus semula.

Kepentingan pemegang saham minoriti dikira berdasarkan bahagian pemegang-pemegang saham minoriti terhadap nilai saksama aset dan tanggungan yang boleh dikenalpasti selepas pengambilalihan.

### **(c) Muhibah**

Muhibah adalah merupakan lebihan harga belian ke atas nilai saksama aset bersih yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan. Jika harga belian adalah lebih rendah daripada harga saksama aset bersih yang diambilalih, perbezaan ini diiktirafkan sebagai muhibah negatif. Muhibah dilunaskan secara garis lurus sepanjang jangkaan hayat bergunanya yang tidak melebihi 20 tahun. Syarikat tidak mempunyai muhibah pada akhir tahun kewangan.

### **(d) Pelaburan dalam Syarikat-Syarikat Subsidiari**

Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada penilaian para Pengarah. Asas penilaian adalah menurut nilai aset bersih. Penilaian yang dilakukan setiap tahun akan direkodkan apabila perbezaan di antara nilai buku dan penilaian setiap kelas pelaburan adalah ketara. Peningkatan yang timbul daripada penilaian semula dipindahkan kepada rizab manakala defisit ditolak daripada rizab sehingga ke tahap yang dibenarkan bagi kelas pelaburan yang sama, di mana sebarang kekurangan dicaj kepada penyata pendapatan. Penilaian nilai buku bagi pelaburan-pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dilakukan jika terdapat tanda-tanda penjejasan pada aset atau kerugian terhadap kejejasan yang telah diiktiraf pada tahun sebelumnya tidak lagi wujud.

### **(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau nilaiannya tolak susutnilai terkumpul dan kerugian dari kejejasan.

Kos harta tanah, loji dan peralatan meliputi harga pembelian dan sebarang kos langsung termasuk kos faedah yang dipermodalkan bagi membolehkan harta tanah, loji dan peralatan tersebut beroperasi. Perbelanjaan bagi penambahan, peningkatan dan pembaharuan dipermodalkan manakala perbelanjaan bagi penyenggaraan dan pemberian dicaj kepada penyata pendapatan. Apabila harta tanah, loji dan peralatan dijual atau tidak digunakan lagi, kos atau nilaiannya dan susutnilai terkumpul dikeluarkan daripada penyata kewangan dan sebarang keuntungan atau kerugian daripada pelupusannya dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

Apabila harta tanah, loji dan peralatan dinilai semula, sebarang lebihan daripada penilaian semula tersebut dikreditkan kepada rizab penilaian semula harta tanah, loji dan peralatan. Pengurangan dalam nilai bawa bersih yang timbul daripada penilaian semula harta tanah, loji dan peralatan pula dicaj kepada penyata pendapatan hingga ke satu tahap di mana ia mengatasi sebarang lebihan yang tersimpan di dalam rizab penilaian semula harta tanah, loji dan peralatan sehubungan dengan penilaian semula yang telah dibuat dahulu terhadap kelas harta tanah, loji dan peralatan yang serupa.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### (e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai (Samb.)

Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi menghapuskira kos atau penilaian harta tanah, loji dan peralatan sepanjang jangka hayat berguna masing-masing. Tiada susutnilai diperuntukkan bagi tanah milik bebas dan modal kerja dalam perlaksanaan. Kadar susutnilai tahunan yang diguna untuk menurunkan nilai harta tanah, loji dan peralatan sepanjang jangka hayat berguna masing-masing adalah seperti berikut:

Tanah pegangan pajakan	Tempoh pajakan (antara 12 hingga 99 tahun)
Bangunan	2% hingga 5%
Loji dan jentera	8% hingga 14%
Kenderaan bermotor	10% hingga 20%
Mesin postmix dan jualan	10%
Perabot, kelengkapan dan peralatan komputer	10% hingga 20%

### (f) Hartanah Dalam Pembangunan

Harta tanah dalam pembangunan dinyatakan pada kos, termasuk kos tanah, pembinaan, perbelanjaan overhead yang berkaitan dan caj-caj pembiayaan yang dikenakan sepanjang tempoh pembinaan.

Peruntukan bagi penyusutan nilai harta tanah yang masih dalam pembangunan dibuat untuk kerugian dijangka.

Pembangunan dianggap siap apabila Sijil Layak Didiami sementara dikeluarkan. Setelah siap, harta tanah yang dipegang bagi tujuan pelaburan akan diklasifikasikan sebagai harta tanah pelaburan dan harta tanah untuk jualan dipindahkan ke aset semasa sebagai harta tanah siap dipegang untuk jualan.

Keuntungan dari penjualan harta tanah diiktiraf bagi bahagian yang disiapkan berdasarkan peratusan yang telah disiapkan dan kaedah jualan. Peratusan yang telah disiapkan dianggap sebagai kos dikenakan pada tarikh lembaran imbalan dibahagikan dengan jumlah kos keseluruhan yang dijangka; kos tidak termasuk kos tanah dan faedah. Peratusan jualan dianggap sebagai keluasan kawasan yang dijual pada tarikh lembaran imbalan dibahagikan dengan jumlah keluasan kawasan projek yang ditawarkan untuk jualan. Keuntungan yang diambil adalah berdasarkan jumlah keseluruhan keuntungan projek yang dijangkakan didarabkan dengan peratusan yang telah disiapkan dan peratusan jualan, tolak keuntungan (jika ada) yang telah diambil kira dalam tempoh kewangan terdahulu. Jumlah keuntungan yang dijangka akan dinilai setelah mengambil kira kos tanah dan faedah dan setelah membuat peruntukan bagi sebarang kos lebihan dan perbelanjaan luar jangka yang boleh dikenalpasti.

### (g) Barangniaga

Barangniaga dinilai pada yang mana lebih rendah di antara kos atau nilai bersih boleh direalisasi. Kos ditentukan berdasarkan kepada purata berwajaran. Kos barang siap dan kerja dalam pelaksanaan adalah termasuk bahan mentah, buruh dan bahagian overhead pengeluaran yang sesuai.

Acuan yang termasuk dalam barang bolehguna akan dihapuskira dalam tempoh tiga tahun dari tarikh ia digunakan untuk pengeluaran.

Barangniaga kejuruteraan dinilai pada yang mana lebih rendah di antara kos dan nilai bersih boleh direalisasi. Kos ditentukan berdasarkan kepada kos purata berwajaran.

Barangniaga bekas meliputi bekas yang dimiliki dan yang dianggar berada di pasaran.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### (h) Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai dan bersamaan tunai adalah termasuk tunai ditangan, baki dan deposit dengan bank dan pelaburan mudah cair yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

### (i) Peruntukan bagi Tanggungan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) berikutan peristiwa yang berlaku pada masa lepas, yang berkemungkinan akan mengakibatkan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi yang bakal diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut dan satu anggaran boleh dipercayai boleh dilakukan terhadap jumlah obligasi tersebut.

### (j) Pajakan

Pajakan di mana pemberi pajak mengekalkan sebahagian besar daripada keseluruhan risiko dan manfaat pemilikan barang yang dipajak adalah diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan berasaskan garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

### (k) Cukai Pendapatan

Cukai yang dikenakan adalah berdasarkan keuntungan tahun tersebut, seperti yang telah dilaraskan bagi tujuan pencukaian, serta jumlah yang dikenakan atau kredit untuk cukai tertunda. Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah tanggungan, ke atas semua perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara asas cukai aset dan tanggungan dengan jumlah yang dibawa ke hadapan dalam penyata kewangan. Perbezaan sementara yang utama timbul daripada susutnilai hartanah, loji dan peralatan, penilaian semula sebahagian daripada aset bukan semasa serta peruntukan pencen dan faedah selepas bersara dan kerugian cukai yang di bawa ke hadapan dan bagi pengambilalihan, perbezaan di antara nilai ketara aset bersih yang diambilalih dengan nilai asas cukai aset tersebut.

Cukai aset tertunda adalah diiktirafkan bagi kesemua perbezaan sementara yang boleh ditolak sehingga tahap di mana ianya boleh digunakan terhadap keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang berkemungkinan akan diperolehi pada masa akan datang. Jumlah bawa cukai aset tertunda akan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbangan dan akan dikurangkan ke tahap di mana tiada kemungkinan terdapat keuntungan yang boleh dikenakan cukai untuk membolehkan kesemua atau sebahagian daripada cukai aset tertunda untuk digunakan.

Cukai aset dan tanggungan tertunda dikira pada kadar cukai yang seharusnya dikenakan pada tahun tersebut apabila aset direalisasi atau tanggungan diselesaikan, berdasarkan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah atau akan digubal selepas tarikh lembaran imbangan.

Cukai pendapatan tertunda akan diperuntukkan untuk kesemua perbezaan sementara yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, kecuali pada masa di mana balikan perbezaan sementara boleh dikawal dan di mana terdapat kemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan dibalikkan untuk masa hadapan.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### (l) Ganjaran Kakitangan

#### (i) Ganjaran jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana khidmat berkaitan diberi oleh kakitangan Kumpulan.

#### (ii) Pelan caruman wajib

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada Skim pencen negeri, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Syarikat-syarikat subsidiari asing dalam Kumpulan pula membuat caruman kepada skim pencen berkanun negara masing-masing. Caruman yang dibuat akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

#### (iii) Ganjaran persaraan

Peruntukan bagi ganjaran persaraan dan perkhidmatan dibuat menurut syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui oleh syarikat-syarikat dalam Kumpulan dengan kakitangan dalam pelbagai kategori.

Peruntukan ini mewakili nilai semasa yang mungkin perlu dibayar berhubung perkhidmatan yang telah diberikan. Satu pengiraan aktuari bebas bagi peruntukan ini dilaksanakan setiap tiga tahun. Pengiraan dalaman bagi peruntukan ini dibuat setiap tahun mengikut asas yang sama seperti yang digunakan bagi pengiraan aktuari bebas. Berdasarkan penilaian aktuari bebas terkini yang dijalankan pada 30 September 2003, peruntukan bagi ganjaran persaraan dan perkhidmatan adalah mencukupi untuk memenuhi nilai ganjaran perlu dibayar yang telah ditetapkan secara aktuari.

#### (iv) Cuti tahunan terakru

Hak kakitangan ke atas cuti tahunan akan diiktiraf apabila cuti terakru kepada kakitangan. Peruntukan dibuat untuk tanggungan yang dijangka timbul terhadap hak kakitangan ke atas cuti tahunan yang timbul hasil daripada perkhidmatan yang disumbangkan oleh kakitangan sehingga tarikh lembaran imbangan.

### (m) Pengiktirafan Pendapatan

#### *Kumpulan*

Hasil meliputi nilai diinvois bersih daripada jualan minuman ringan, bekas kaca dan produk tenusu. Hasil jualan diiktiraf apabila barang telah dihantar, selepas ditolak diskaun, elaun dan cukai tidak langsung yang berkaitan.

#### *Syarikat*

Hasil meliputi dividen daripada pelaburan. Hasil dividen diiktiraf apabila ianya telah diisyiharkan oleh syarikat-syarikat subsidiari.

### (n) Faedah

Perbelanjaan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada nisbah masa dengan mengambil kira nilai pokok tertunggak dan kadar yang berkaitan. Semua faedah dan kos-kos berkaitan adalah sebahagian daripada perbelanjaan faedah.

Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila ia terakru.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### (o) Matawang Asing

Urusniaga matawang asing dicatat dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang hampir dengan kadar yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Semua harta dan tanggungan kewangan lain dalam bentuk matawang asing ditukar pada kadar yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbang. Perbezaan pertukaran diambilkira di dalam penyata pendapatan.

Bagi penyatuhan syarikat-syarikat subsidiari, harta dan tanggungan syarikat-syarikat subsidiari asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang hampir dengan kadar berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbang, kecuali bagi modal saham dan rizab yang dikira pada kadar searah. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran sedemikian dibawa kepada rizab hasil.

Kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbang adalah seperti berikut:

	2003 RM'ooo	2002 RM'ooo
Satu Dollar Amerika Syarikat	<b>3.80</b>	3.80
Satu Renminbi China	<b>0.459</b>	0.459
100 Dong Vietnamese	<b>0.024</b>	0.025
Satu Dollar Singapura	<b>2.20</b>	2.14
Satu Dollar New Zealand	<b>2.26</b>	1.79
Satu Baht Thailand	<b>0.095</b>	0.088
Satu Dollar Australian	<b>2.59</b>	2.07
Satu Pound Sterling	<b>6.35</b>	5.94
Satu Dollar Euro	<b>4.44</b>	3.74
Satu Dollar Brunei	<b>2.20</b>	2.14

### (p) Kejejasan

Jumlah bawa harta, selain barangniaga dan penerimaan perdagangan Kumpulan, dikaji pada setiap tarikh lembaran imbang bagi menentukan samada terdapat tanda-tanda kejejasan. Jika tanda-tanda sedemikian wujud, jumlah yang boleh diperolehi semula bagi harta tersebut dianggarkan. Kerugian dari kejejasan diiktiraf apabila jumlah bawa sesebuah harta melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Kerugian dari kejejasan dicaj kepada penyata pendapatan kecuali penilaian semula sebelumnya berbalik di mana ia akan dicaj kepada ekuiti.

### (q) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbang apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontraktual instrumen kewangan tersebut.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai tanggungan atau ekuiti menurut kandungan di dalam kontrak yang diatur. Faedah, dividen dan keuntungan serta kerugian berhubung dengan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai tanggungan, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti akan dicaj secara langsung ke ekuiti. Instrumen kewangan akan diimbangi apabila Kumpulan mempunyai hak penguatkuasaan yang sah untuk mengimbangkannya dan bertujuan untuk menyelesaikan samada pada dasar bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan tanggungan pada masa yang sama.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 30 September 2003

### 2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

#### (q) Instrumen Kewangan (Samb.)

##### (i) Perdagangan akan diterima

Perdagangan akan diterima dinyatakan pada jangkaan nilai yang boleh direalisasi. Peruntukan khusus dibuat bagi hutang yang telah dikenalpasti sebagai lapuk atau meragukan. Di samping itu, peruntukan am dibuat untuk sebarang kerugian yang mungkin tetapi tidak dikenalpasti secara khusus.

##### (ii) Perdagangan akan dibayar

